

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Kursus Semasa Cuti Panjang  
Sidang Akademik 1994/95

Jun 1995

HKB 312 Karya-Karya Terpilih dari Kesusasteraan Eropah

Masa: [3 jam]

---

**KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI ENAM [6] SOALAN DI DALAM DUA [2] HALAMAN.**

Jawab EMPAT [4] soalan.

Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

1. Dengan merujuk kepada metafora anak-bapa bincangkan setakat manakah Conrad berjaya memaparkan wawasan segar tentang psikologi imperialisme.

2. SAMA ADA

[a] Bandingkan peranan watak-watak Asia di dalam Almayer's Folly dan The Soul of Malaya.

ATAU

[b] Setakat manakah anda bersetuju bahawa Fauconnier dipengaruhi oleh ciri-ciri orientalisme di dalam The Soul of Malaya? Analisis wawasan moral Fauconnier.

3. Ibsen digelar sebagai perintis drama beraliran realisme. Setakat manakah Ibsen berjaya menggunakan bentuk drama ini untuk meneroka konflik-konflik dalaman watak Nora?

4. Sebahagian daripada pengkritik Camus berpendapat bahawa Meursault adalah watak yang tidak menyumbangkan kepada wawasan moral seseorang pembaca. Oleh yang demikian, novel Camus juga gagal.

Sokong atau bantah pendapat ini dengan menganalisiskan perwatakan Meursault.

.../2

5. Jose Rizal pernah mengatakan bahawa jika tidak ada hamba maka tidak wujud diktator.

Dengan merujuk kepada pernyataan ini bincangkan sejauh manakah Orwell berjaya menyatirakan mereka yang diperintah dan yang memerintah di dalam Animal Farm.

6. Dengan menganalisisiskan dua [2] buah cerpen yang telah dikaji, huraikan setakat manakah pengarang-pengarang yang dipilih berjaya mengolah aspek masa di dalam plot demi memperkayakan tema masing-masing.

-ooo000ooo-